

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9316

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab PDRM gagal bertindak secara sama rata dan adil ke atas pendakwah agama, Ridhuan Tee ataupun YB Bera kerana membuat kenyataan menghasut dan berbaur perkauman terhadap masyarakat bukan Melayu sepertimana yang diambil ke atas Namewee ataupun YB Jelutong.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis memandang serius perkara yang ditakrifkan sebagai menghasut terutamanya yang melibatkan sensitiviti perkauman dan agama tanpa mengira kedudukan seseorang yang mengeluarkan pernyataan tersebut dan akan menjalankan siasatan atas laporan yang telah dibuat dengan adil dan saksama.

Pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap Ridhuan Tee atas kenyataan yang didakwa dibuat oleh beliau iaitu:-

- i) Dang Wangi Repot 23353/16 yang dibuat oleh pengadu yang mendakwa telah membaca satu artikel yang kononnya ditulis oleh Ridhuan Tee yang menyatakan atlet-atlet berbangsa Cina tidak patriotik dan tidak mencintai negara tetapi hanya melihat pada manfaat kewangan serta menyatakan bahawa atlet-atlet berbangsa Melayu telah pun diabaikan dan tidak diberikan sokongan atau perhatian yang sama.**

Siasatan di bawah Seksyen 505 (c) Kanun Keseksaan masih lagi diteruskan.

- ii) Seksyen 15 Repot 3916/13 yang mana pengadu telah mendakwa dalam akhbar Sinar bertarikh 18 Feb 2013 bahawa Ridhuan Tee dengan jelas telah menyentuh isu sensitif, mempersoal dan mempertikaikan hak kaum India.**

Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya pada 20/11/14 dan arahan kes Kemas Untuk Simpan (KUS) / Keep in View (KIV).

Pihak polis juga telah menjalankan siasatan terhadap YB Bera berkait Tun H.S Lee (THSL) Repot 4237/16 di bawah Seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan atas kenyataan yang didakwa dibuat olehnya dalam Facebook yang menimbulkan ketegangan dan perselisihan antara kaum serta menyeru kaum Melayu memboikot perniagaan kaum Cina.

Kertas siasatan telah dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwa Raya pada 25/3/16.